



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 10/2013 (3 hingga 9 Mac 2013)

Situasi semasa Demam Denggi di Malaysia telah mencatatkan tiga (3) kematian yang berlaku di Johor dan WP Kuala Lumpur dalam tempoh seminggu. Ini menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat denggi pada tahun 2013 bertambah kepada 11 kematian. Kes kematian tersebut melibatkan dua orang surirumah, masing-masing berusia 47 dan 75 tahun serta seorang pelajar lelaki berusia 19 tahun. Rawatan awal telah diperolehi sebaik sahaja pesakit mengalami tanda-tanda seperti demam, cirit-birit, muntah, sakit badan dan hilang selera makan. Setelah dirawat dan dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU), pesakit telah meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Siasatan lanjut seterusnya dijalankan di rumah pesakit dan mendapati kadar pembiakan Aedes adalah sangat tinggi iaitu di antara 3.9% hingga 22.0%. Tindakan kawalan telah dijalankan oleh pihak Kesihatan iaitu dengan melakukan semburan kabus bagi memastikan nyamuk dewasa yang berkemungkinan mengandungi virus di sekitar kawasan tersebut dihapuskan. Di samping itu, aktiviti gotong-royong turut diadakan bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan supaya jangkitan denggi tidak terus berlaku.

Pada minggu lepas, sebanyak 390 kes Denggi telah dilaporkan, berbanding 433 kes pada minggu sebelumnya dengan lima (5) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu, Kedah 6 kes (100%), Kelantan 3 kes (12%), Johor 3 kes (10%), Pahang 2 kes (20%) dan Perlis 1 kes (50%). Jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan sehingga minggu ke sepuluh adalah 4,761 kes berbanding 5,184 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012, iaitu penurunan sebanyak 8%.

Terdapat satu lokaliti hotspot dilaporkan di Bandar Sarikei, Sarawak melibatkan 11 kes. Sebanyak lima pemeriksaan telah dijalankan di kawasan tersebut dan menemui banyak tempat pembiakan Aedes. Tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 telah dijalankan dengan tujuh (7) kompaun RM500 dan sembilan (9) notis arahan pembersihan di bawah Seksyen 8 telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang membiarkan kediaman mereka menjadi tempat pembiakan Aedes. Di samping itu, bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran, sebanyak dua aktiviti gotong-royong telah dianjurkan dan mendapat telah sambutan yang baik. Secara keseluruhannya, sejumlah 63 lokaliti wabak Denggi di 23 buah daerah dipantau di seluruh negara, iaitu Selangor (28), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (14), Johor (6), Perak (5), Sarawak (5), Sabah (2), Kelantan (2) dan 1 lokaliti wabak di Negeri Sembilan.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

11 Mac 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2013
(3 hingga 9 Mac 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 10/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 10/2012
		Minggu 10 (3 - 9 Mac 2013)	Minggu 9 (24 Februari - 2 Mac 2013)		
1	Perlis	3	2	32	42
2	Kedah	12	6	146	149 (1)
3	P. Pinang	11	14	155	191 (1)
4	Perak	34	48	391	383 (1)
5	Selangor	152	162	2,074 (1)	2,349 (8)
6	WPKL & Putrajaya	45 (2)	64	314 (3)	515 (3)
7	N. Sembilan	8	8	85	90 (1)
8	Melaka	11	11	96	152
9	Johor	34 (1)	31	418 (4)	331
10	Pahang	12	10	125	165
11	Terengganu	4	5	44	202
12	Kelantan	28	25	257	305
13	Sarawak	24	33	441 (2)	204
14	Sabah	12	14	183 (1)	102 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	4
	Jumlah	390 (3)	433	4,761 (11)	5,184 (16)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 09 March 2013 (Mg 10)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	Sarawak	Sarikel	Sarikel Town	11	32